

PERATURAN PEMARKAHAN
BAHAGIAN A

NO SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
1.	حلال / هاروس	[1 markah]
2.	تبيين	[1 markah]
3.	أذن	[1 markah]
4.	قرينة اتاو بوقتي	[1 markah]
5.	الاستصحاب	[1 markah]
6.	المتكلمون	[1 markah]
7.	عام	[1 markah]
8.	حاجيات	[1 markah]
9.	نسخ	[1 markah]
10.	موقوف	[1 markah]
11.	مقيد	[1 markah]
12.	واجب	[1 markah]
13.	دنتوكن حاكم	[1 markah]
14.	قصاص	[1 markah]
15.	عدم الحرج	[1 markah]
16.	تيك تاهون	[1 markah]
17.	X	[1 markah]
18.	√	[1 markah]
19.	X	[1 markah]
20.	√	[1 markah]

PERATURAN PEMARKAHAN
BAHAGIAN B

NO. SOALAN			SKEMA	MARKAH
1	(a)	(i)	Suruhan dan larangan yang terdapat dalam ayat: ▪ Perintah memberi perbelanjaan yang mencukupi ▪ Perintah memberi layanan yang baik ▪ Perintah menguji kecerdikan sebelum menyerahkan harta anak yatim ▪ Perintah mengadakan saksi ketika penyerahan harta anak yatim ▪ Larangan memakan harta anak yatim secara berlebihan ▪ Larangan penjaga kaya memakan harta anak yatim ▪ Larangan serah harta sebelum sempurna akal/cerdik <i>*Wajib ada 1 suruhan dan 1 larangan</i>	2 isi x 1 M = 2 M
		(ii)	Sebab Nuzul Ayat : ▪ Kisah Thabit bin Rifaah ▪ Beliau dijaga oleh bapa saudaranya selepas bapanya meninggal dunia ▪ Bapa saudaranya berjumpa Rasulullah S.A.W dan bertanya: Sesungguhnya anak saudaraku dalam jagaanku, adakah hartanya halal bagiku dan bilakah aku boleh menyerahkan hartanya? ▪ Lalu turunlah ayat yang menjelaskan cara tersebut	4 isi x 1 M = 4 M
	(b)		Kelebihan mengurus harta anak yatim menurut Islam: ▪ Merapatkan hubungan silaturrahim/antara penjaga dengan anak yatim sebagai satu keluarga. ▪ Rasulullah S.A.W mengiktiraf pengurus harta anak yatim atas kebaikan mereka/dengan bersama – sama dengan baginda di syurga kelak. ▪ Memberikan kegembiraan kepada anak yatim/supaya mereka dapat merasai kehidupan berkeluarga. ▪ Menjamin kehidupan anak yatim/untuk mereka meneruskan masa hadapan seperti orang lain. Catatan: ▪ Mana – mana jawapan yang munasabah diterima	1 isi x 2 M = 2 M

(c)	Dua cara pemegang amanah menguruskan harta anak yatim: ▪ Memberi perbelanjaan yang cukup/agar kehidupan anak yatim terjaga ▪ Menguji anak yatim/untuk melihat kecerdikan mereka menguruskan harta ▪ Menyerahkan harta anak yatim/setelah terbukti kecerdikan mereka menguruskan harta ▪ Menghadirkan saksi/semasa penyerahan harta anak yatim	2 isi x 2 M = 4 M																				
(d)	Tindakan yang perlu dilakukan bagi mengatasi masalah : <table border="1"> <thead> <tr> <th>KRITERIA</th> <th>SKOR</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Isi</td> <td>1 markah</td> </tr> <tr> <td>Huraian</td> <td>1 markah</td> </tr> <tr> <td>Huraian lengkap (dalil/ contoh/ mafhum ayat/ pendapat ulama')</td> <td>1 markah</td> </tr> <tr> <td>Kesimpulan lengkap (Olahan jawapan menarik/ tepat dan relevan)</td> <td>1 markah</td> </tr> </tbody> </table> Contoh jawapan: <table border="1"> <thead> <tr> <th>KRITERIA</th> <th>SKOR</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pengurus harta anak yatim yang dilantik perlu melalui proses temuduga secara terperinci oleh pihak berkuasa</td> <td>1 markah</td> </tr> <tr> <td>Supaya mereka yang benar – benar layak sahaja diberikan tanggungjawab untuk menguruskan harta anak yatim</td> <td>1 markah</td> </tr> <tr> <td>Kesannya harta anak yatim dapat diuruskan dengan baik dan terpelihara daripada penyelewengan.</td> <td>1 markah</td> </tr> <tr> <td>Oleh itu, pihak berkuasa perlu bertindak secara berkesan bagi memastikan kehidupan anak yatim terjamin.</td> <td>1 markah</td> </tr> </tbody> </table> Cadangan isi lain: ▪ Memberi hak penjagaan kepada mereka yg mempunyai kemampuan kewangan yang tinggi / untuk mengelakkan salah urus harta anak yatim. ▪ Pihak berkuasa melantik pegawai pemantau/sehingga anak yatim dewasa dan boleh menguruskan harta sendiri. Catatan: ▪ Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.	KRITERIA	SKOR	Isi	1 markah	Huraian	1 markah	Huraian lengkap (dalil/ contoh/ mafhum ayat/ pendapat ulama')	1 markah	Kesimpulan lengkap (Olahan jawapan menarik/ tepat dan relevan)	1 markah	KRITERIA	SKOR	Pengurus harta anak yatim yang dilantik perlu melalui proses temuduga secara terperinci oleh pihak berkuasa	1 markah	Supaya mereka yang benar – benar layak sahaja diberikan tanggungjawab untuk menguruskan harta anak yatim	1 markah	Kesannya harta anak yatim dapat diuruskan dengan baik dan terpelihara daripada penyelewengan.	1 markah	Oleh itu, pihak berkuasa perlu bertindak secara berkesan bagi memastikan kehidupan anak yatim terjamin.	1 markah	4 isi x 1 M = 4 M
KRITERIA	SKOR																					
Isi	1 markah																					
Huraian	1 markah																					
Huraian lengkap (dalil/ contoh/ mafhum ayat/ pendapat ulama')	1 markah																					
Kesimpulan lengkap (Olahan jawapan menarik/ tepat dan relevan)	1 markah																					
KRITERIA	SKOR																					
Pengurus harta anak yatim yang dilantik perlu melalui proses temuduga secara terperinci oleh pihak berkuasa	1 markah																					
Supaya mereka yang benar – benar layak sahaja diberikan tanggungjawab untuk menguruskan harta anak yatim	1 markah																					
Kesannya harta anak yatim dapat diuruskan dengan baik dan terpelihara daripada penyelewengan.	1 markah																					
Oleh itu, pihak berkuasa perlu bertindak secara berkesan bagi memastikan kehidupan anak yatim terjamin.	1 markah																					

	(e)	Dua sebab Islam mensyaratkan perkara tersebut: ▪ Mengelakkan berlaku penyelewengan / terhadap harta anak yatim. ▪ Penyerahan dapat dilakukan secara sah / bagi mengelakkan kesulitan dikemudian hari. ▪ Islam mengambil berat mengenai tugas menunaikan tanggungjawab / agar setiap orang mendapat hak mereka.	2 isi x 2 M = 4 M
--	-----	--	------------------------------

NO. SOALAN		SKEMA	MARKAH
2	(a)	Dua jenis syak ketika solat: ▪ Syak dalam Rukun Fi'li ▪ Syak dalam Rukun Qauli	2 isi x 1 M = 2 M
	(b)	Cara ulama' mengistinbatkan hukum : ▪ Berdasarkan lafaz فَلْيَطْرَحْ دَانَ وَلْيَبْنِ ▪ لام الأمر didahului dengan فعل المضارع menunjukkan perintah. ▪ Setiap perintah adalah wajib ▪ Oleh itu, wajib menghilangkan keraguan dalam solat berdasarkan keyakinan. * Sekiranya satu lafaz sahaja tidak diterima	4 isi x 1 M = 4 M
	(c) (i)	Mustafa sedang menunaikan solat Subuh. Semasa tahiyat akhir, beliau teringat yang beliau membaca bacaan rukuk pada sujud akhir. Hukum : Sah solat Alasan : Kerana membaca bacaan sunat bukan pada tempatnya adalah sebab sunat sujud sahwi @ tidak membatalkan solat.	Hukum:1 M Alasan:1 M = 2 M
	(ii)	Umar menunaikan solat Asar.Setelah memberi salam,beliau syak sama ada telah membaca tahiyat awal atau belum Hukum : Sah solat Alasan : Kerana membaca Tahiyat Awal merupakan Sunat Ab'ad.	Hukum:1 M Alasan:1 M = 2 M

(d)		Dua hujah solat yang dikerjakan dengan penuh kesungguhan membentuk dan mentarbiyah jiwa seseorang muslim: ▪ Solat yang mematuhi segala rukun dan syaratnya dengan betul akan melahirkan rasa ketakwaan / dan kesabaran dalam kehidupan. ▪ Seseorang yang solat dengan khusyuk / akan menghindarkan dirinya dari melakukan perkara yang keji dan mungkar. Catatan: ▪ Mana – mana jawapan yang munasabah diterima	2 isi x 2 M = 4 M
(e)		Tiga tindakan yang perlu dilakukan untuk mengatasi keadaan waswas ketika solat : ▪ Sentiasa menambahkan ilmu tentang solat / agar dapat melakukan solat dengan sempurna. ▪ Berusaha untuk melakukan solat secara berjemaah / supaya menjadi lebih berdisiplin. ▪ Mengutamakan solat di awal waktu / dengan meninggalkan pekerjaan lain. ▪ Memahami maksud ayat Al-Quran yang dibaca / serta menghayatinya. ▪ Solat dalam suasana yang tenang dan bersih / supaya terhindar daripada gangguan. ▪ Melihat ke tempat sujud semasa solat / supaya lebih khusyuk. ▪ Mengambil wudu' dengan sempurna / agar tiada perasaan waswas ketika solat. ▪ Memakai pakaian yang bersih dan menutup aurat /supaya dapat melaksanakan solat secara selesa dan khusyuk. ▪ Melupakan tugas seharian ketika hendak mendirikan solat / supaya tidak mengganggu fokus ketika solat. ▪ Membaca Surah An-Nas / bagi mengelakkan rasa waswas dalam solat.	3 isi x 2 M = 6 M



NO. SOALAN			SKEMA	MARKAH
3	(a)	(i)	Muamalat dalam Islam ialah tatacara atau peraturan dalam perhubungan antara manusia / untuk memenuhi keperluan masing-masing.	2 isi x 1 M = 2 M
		(ii)	Dua bentuk muamalat yang diharamkan oleh syarak: ▪ Transaksi yang melibatkan perkara-perkara yang diharamkan/ seperti arak, rokok, dadah dan bangkai. ▪ Transaksi yang melibatkan riba/ seperti menjalankan perniagaan dengan membenarkan pelanggan berhutang untuk membeli barang tetapi mengenakan tambahan bayaran jika hutang tersebut lambat dibayar. ▪ Transaksi yang berunsurkan judi/ seperti menjual nombor ramalan. ▪ Transaksi yang berasaskan kepada penipuan/ seperti menipu kualiti barang yang dijual. ▪ Transaksi yang mempunyai unsur ketidakpastian (gharar)/ seperti jual beli barang yang tidak diketahui keadaannya.	2 isi x 2 M = 4 M
	(b)	(i)	Dua jenis muamalat yang terdapat dalam uqud Al-Tabarruat: ▪ Al-Hibah ▪ Al-Wadiah ▪ Al-Qardh ▪ Al-Kafalah ▪ Ar-Rahnu	2 isi x 1 M = 2 M
		(ii)	Dua syarat muamalat (Al-Wadiah) dapat dilaksanakan mengikut syarak: ▪ Kedua – dua pihak mestilah berkeelayakan menguruskan harta/ iaitu baligh @ berakal @ tidak dipaksa. ▪ Orang yang menerima wadiah mestilah orang yang layak/ memegang amanah itu. ▪ Orang yang menerima wadiah mestilah orang yang tidak ditegah daripada menguruskan harta/ seperti orang muflis. ▪ Milik sempurna/ pihak yang menyerahkan harta. ▪ Bernilai menurut syarak. ▪ Ijab dan qabul dilakukan secara sukarela. ▪ Mestilah menunjukan penyerahan dan penerimaan barang.	2 isi x 2 M = 4 M
		(i)	Lafaz am ialah lafaz yang merangkumi kesemua perkara/ yang sesuai bagi lafaz tersebut tanpa ada batasan.	2 isi x 1 M = 2 M
		(ii)	يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ Bentuk Lafaz am: لفظ جمع يغ دمعرفهكن دغن إضافة	1 isi x 1 M = 1 M

		وَلَا تُصَلِّ عَلَى أَحَدٍ مِّنْهُمْ مَّتَّ أَبَدًا Bentuk Lafaz am: (لا الناهية) لفظ نكرة دالم بتوق لارغن	1 isi x 1 M = 1 M
(d)		Dua kepentingan memahami lafaz am & khas: ▪ Mengaplikasikan lafaz am dan khas pada hukum – hukum cabang dengan betul. ▪ Tidak mengumumkan sesuatu dalil yang telah ditakhsiskan. ▪ Hukum yang dikeluarkan tepat dan betul mengikut kehendak syarak.	2 isi x 2 M = 4 M

**PERATURAN PEMARKAHAN
BAHAGIAN C**

NO. SOALAN			SKEMA	MARKAH
4	(a)	(i)	Qias ialah menyamakan hukum/ perkara yang tidak mempunyai hukum dalam nas dengan perkara yang mempunyai hukum dalam nas syarak / disebabkan persamaan sifat (illah) pada kedua-duanya. * Perkataan menyamakan wajib ada, sekiranya tiada: 0 markah	3 isi = 2 M 2 isi = 1 M 1 isi = 0 M
		(ii)	Dua rukun qias beserta contoh: ▪ الأصل : Akad jual beli ketika Solat Jumaat. ▪ حكم الأصل : Haram melakukan akad jual beli ketika Solat Jumaat. ▪ الفرع : Melakukan akad sewaan ketika waktu Solat Jumaat. ▪ العلة : Perkara tersebut menyebabkan Solat Jumaat ditinggalkan. * Contoh lain yang berkaitan qias diterima.	2 isi x 2 M = 4 M
	(b)		Dua perkara yang tidak boleh dinasakhkan: ▪ Hukum-hukum yang berkaitan asas – asas Aqidah. ▪ Hukum-hukum yang berkaitan dengan asas-asas Ibadah. ▪ Hukum-hukum yang berkaitan dengan Akhlak Mulia.	2 isi x 1 M = 2 M
	(c)		Dua hikmah walimatul urus diadakan secara bersederhana: ▪ Mengelakkan dari perasaan riyak dan bangga diri. ▪ Tidak membawa kepada pembaziran yang menyebabkan bebanan hutang. ▪ Mendapat keberkatan dalam perkahwinan kerana mengikut sunnah Rasulullah S.A.W. Catatan: ▪ Mana – mana jawapan yang munasabah diterima	2 isi x 2 M = 4 M

(d)		Dua ciri undang – undang Islam: ▪ Manhaj Ketuhanan (Rabbaniyah) : Hukum syariah bukan ciptaan manusia. ▪ Bersifat Universal (Alamiyyah): Syariah Islam dalam semua hukum, sistem dan prinsipnya beridentitikan kemanusiaan. ▪ Menyeluruh (Syumuliyyah): Sistem dan perundangan yang mencakupi setiap aspek kemasyarakatan dan kehidupan.@ berkaitan akidah,ibadah dan akhlak. ▪ Sumber yang Asli dan Kekal: Undang-undang Islam mempunyai sifat-sifat asli yang tetap dalam nas @ sumber perundangan Islam telah dijamin oleh Allah berkekalan sehingga hari kiamat . ▪ Menghilangkan Kesulitan dan Mendatangkan Kemudahan: Tidak membebankan dan menyusahkan umat Islam. ▪ Memelihara Keseimbangan Material dan Kerohanian: Tidak menjauhkan kebendaan daripada kerohanian @ Tidak memisahkan dunia dan akhirat.@ Saling lengkap melengkapi antara hubungan dengan Allah,manusia dan alam sekitar.	2 isi x 2 M = 4 M
(e)		Dua perkembangan kegiatan ilmu pengetahuan pada Zaman Khalifah Makmun: ▪ Dasar kebebasan berfikir dalam menjalankan kajian penyelidikan / disokong oleh pemerintah. ▪ Khalifah mewujudkan Majlis Munozarah (majlis debat) dalam kalangan rakyat/agar dapat mengurangkan perbezaan pendapat dalam kalangan para ulama’. ▪ Kemasukan ilmu-ilmu baharu / dari bahasa asing melalui aktiviti penterjemahan. ▪ Budaya penulisan serta penterjemahan rancak / dalam kalangan para ilmuwan dan cendekiawan. ▪ Mewujudkan jawatan kerani khusus di perpustakaan / dengan nama Sahib Bait al-Hikmah. ▪ Menambahkan koleksi buku dalam pelbagai bidang ilmu/di Perpustakaan Baitul Hikmah.	2 isi x 2M = 4 M

NO. SOALAN			SKEMA	MARKAH							
5	(a)	(i)	Dua bahagian hukum syarak: - Hukum Wad'i - Hukum Taklifi	2 isi x 1 M = 2 M							
		(ii)	وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا - Hukum Taklifi : Ibahah /Harus - Iaitu pilihan yang diberikan syarak kepada mukallaf samada untuk melakukan sesuatu perkara atau meninggalkannya. - Perkara tersebut tidak mendapat pahala atau dosa jika dilakukan atau ditinggalkan. - Harus makan dan minum tetapi tidak berlebih-lebihan @ Harus makan dan minum walaupun dinyatakan dalam bentuk perintah kerana terdapat <i>qarinah</i> yang menunjukkan ia tidak diwajibkan iaitu larangan supaya tidak berlebih -lebihan.	4 isi x 1 M = 4 M							
	(b)		Dua syarat diharuskan berpoligami: - Mempunyai kesihatan tubuh badan / untuk melaksanakan tanggungjawab dalam menguruskan keluarga dengan baik. - Berkemampuan / untuk memberikan nafkah dan menyediakan keperluan – keperluan semua ahli keluarga. - Berlaku adil terhadap semua isteri / dari sudut giliran,nafkah dan pergaulan yang baik. - Tidak lebih daripada 4 orang isteri dalam satu masa.	2 isi x 2 M = 4 M							
	(c)	(i)	Tamadun Islam ialah segala pencapaian dan kemajuan yang mencakupi semua aspek kegiatan manusia/ dari segi sudut kebudayaan, keilmuan dan keagamaan/ yang berasaskan prinsip akidah, syariat dan akhlak Islam.	3 isi = 2 M 2 isi = 1 M 1 isi = 0 M							
		(ii)	Dua perbezaan Tamadun Islam dengan Tamadun Barat: <table><tr><th>TAMADUN ISLAM</th><th>TAMADUN BARAT</th></tr><tr><td>Menjadikan Islam sebagai asas tamadun & prinsipnya tidak berubah.</td><td>Menjadikan agama sebagai kebudayaan masyarakat yang boleh berubah – ubah.</td></tr><tr><td>Menumpukan konsep kesepaduan antara hubungan dengan Allah & hubungan dengan manusia (dunia & akhirat).</td><td>Hanya menumpukan kepada aspek - aspek keduniaan semata - mata tanpa menghiraukan tuntutan agama.</td></tr><tr><td>Kemajuan mestilah tidak bertentangan objektif dan tujuan agama.</td><td>Kemajuan mengutamakan keuntungan semata - mata tanpa terikat dengan nilai - nilai yang dianjurkan agama.</td></tr></table>	TAMADUN ISLAM	TAMADUN BARAT	Menjadikan Islam sebagai asas tamadun & prinsipnya tidak berubah.	Menjadikan agama sebagai kebudayaan masyarakat yang boleh berubah – ubah.	Menumpukan konsep kesepaduan antara hubungan dengan Allah & hubungan dengan manusia (dunia & akhirat).	Hanya menumpukan kepada aspek - aspek keduniaan semata - mata tanpa menghiraukan tuntutan agama.	Kemajuan mestilah tidak bertentangan objektif dan tujuan agama.	Kemajuan mengutamakan keuntungan semata - mata tanpa terikat dengan nilai - nilai yang dianjurkan agama.
TAMADUN ISLAM	TAMADUN BARAT										
Menjadikan Islam sebagai asas tamadun & prinsipnya tidak berubah.	Menjadikan agama sebagai kebudayaan masyarakat yang boleh berubah – ubah.										
Menumpukan konsep kesepaduan antara hubungan dengan Allah & hubungan dengan manusia (dunia & akhirat).	Hanya menumpukan kepada aspek - aspek keduniaan semata - mata tanpa menghiraukan tuntutan agama.										
Kemajuan mestilah tidak bertentangan objektif dan tujuan agama.	Kemajuan mengutamakan keuntungan semata - mata tanpa terikat dengan nilai - nilai yang dianjurkan agama.										

	(d)	Dua kesan penjajahan barat terhadap pelaksanaan perundangan Islam: ▪ Sistem perundangan barat telah digunakan sepenuhnya / dalam Mahkamah Sivil. ▪ Undang – Undang Barat mempengaruhi sistem kehakiman @ Pelaksanaan undang-undang Inggeris bertambah kukuh / dengan wujudnya Enakmen Undang-Undang Sivil. ▪ Bidang kuasa Raja-Raja Melayu dihadkan / dengan termeterainya Perjanjian Pangkor. ▪ Bidang kuasa Mahkamah Syariah telah dibataskan / oleh Undang - Undang Persekutuan. ▪ Wujud dualisme dalam sistem perundangan di Malaysia / iaitu Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah @ Mahkamah Syariah terkeluar daripada hierarki Mahkamah Persekutuan.	2 isi x 2 M = 4 M
--	-----	--	------------------------------

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT